

**Agong Dijadual Hadiri Majlis Bacaan Yassin Dan Tahليل Sempena Maal Hijrah  
Bernama  
23 November , 2011**

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dijadual menghadiri majlis bacaan Yassin, Tahليل, Doa Akhir Tahun serta Doa Awal Tahun di Masjid Negara, Kuala Lumpur, Sabtu ini.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam kenyataan hari ini berkata majlis itu adalah sempena sambutan Maal Hijran Peringkat Kebangsaan Tahun 1433 Hijrah/2011 Masehi yang akan disambut pada Ahad.

Acara lain yang turut diadakan ialah Forum Perdana Khas Maal Hijrah bertajuk "Luruskan Saf" yang menampilkan dua anggota panel iaitu Imam Masjid Muaz Jabal Wangsa Maju Shahrizan Daud dan pemenang rancangan realiti Imam Muda musim pertama Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan.

Forum itu akan dipengerusikan Zakaria Othman dari Jakim, kata kenyataan itu.

Program akan bermula pukul 5.30 petang dan orang ramai adalah dijemput hadir bagi memeriahkan majlis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629293>